



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (28)

Tarikh: 19 Mei 2023

SAMBUTAN RIANG RAYA@PJ MERIAH

Bersempena bulan Syawal yang mulia, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengadakan Majlis **Riang Raya@PJ** bersempena dengan sambutan hari raya Aidilfitri bertempat di Laman MBPJ dan Dataran Boulevard di Jalan Yong Shook Lin, Seksyen 52, Petaling Jaya.

Tradisi penganjuran rumah terbuka aidilfitri ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara Majlis dengan masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya. Selain itu, amalan rumah terbuka ini sangat sinonim dalam kehidupan masyarakat di Malaysia dan telah menjadi simbolik dalam mengeratkan lagi perpaduan dan penyatuan antara kaum.

Pada tahun ini, MBPJ menampilkan konsep/tema booth juadah makanan dan minuman mengikut 10 tematik projek berimpak tinggi MBPJ selaras dengan Petaling Jaya Bandaraya Pintar, Mampan dan Berdayahuni 2030 (PJSSR 2030). Antara menu/juadah menarik yang disediakan ialah Rojak Pasembor, Char Keaw Teaw, Lemang dan Ketupat, Apam Balik, Mee Bandung PJ, Nasi Lemak dan Kambing Bakar, Buah-buahan tempatan dan lain-lain.

Selain rumah terbuka, pengunjung juga akan dihiburkan dengan nanyian oleh artis jemputan seperti Ramlah Ram, Haziq Rosebi, dan Mamat. Tidak ketinggalan persembahan oleh artis kebudayaan MBPJ, pemberian duit raya kepada kanak-kanak dan pelbagai aktiviti lagi.

Pada masa sama, para pengunjung turut berpeluang untuk berinteraksi dan menikmati keindahan bandar raya ini yang dihiasi dengan cahaya lampu pada waktu malam yang memberikan keseimbangan kepada gaya hidup mampan di Petaling Jaya. Diharapkan dengan penganjuran majlis ini kita dapat bersama menyemarak dan memeriahkan sambutan Aidilfitri Majlis Bandaraya Petaling Jaya tahun ini.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)



BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (29)

Tarikh: 27 Mei 2023

PERASMIAN PERPUSTAKAAN KOMUNITI PETALING JAYA CAWANGAN BANDAR UTAMA

Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya Cawangan Bandar Utama kini dibuka kepada orang awam secara rasminya hari ini. Perpustakaan Komuniti ini merupakan perpustakaan cawangan ketiga di bawah pengurusan MBPJ selain dua lagi perpustakaan cawangan sedia ada di Kota Damansara dan Taman Medan.

Perpustakaan yang berkeluasan lantai lebih kurang 2,200 kaki persegi ini, dilengkapi dengan hampir 10,000 buah buku yang terdiri dari pelbagai bidang dan tajuk. Selain itu, perpustakaan ini juga turut dilengkapi dengan beberapa kemudahan lain seperti Pinjaman bahan bacaan dengan pelbagai koleksi yang sesuai dengan peringkat umur, Perkhidmatan internet dan wi-fi, Ruang bacaan santai, Ruang bacaan terbuka, Kemudahan komputer dan e-books serta Pinjaman “boardgames” untuk aktiviti riadah minda dan lain-lain lagi.

Penubuhan perpustakaan ini bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada penduduk khususnya golongan pelajar dan kanak-kanak selain dapat menggalakkan (mereka) untuk menjadikan aktiviti membaca sebagai satu budaya dan memanfaatkan perpustakaan ini untuk memenuhi masa lapang.

Perpustakaan Komuniti Cawangan Bandar Utama ini telah mencatatkan pengunjung atau penggunaan yang tertinggi iaitu berjumlah 14,757 orang bagi tempoh bermula bulan Ogos 2019 sehingga April 2023 dengan mengambil kira penutupan sepanjang tempoh PKP yang lalu. Melalui inisiatif lain, MBPJ turut menyediakan sebuah perpustakaan bergerak yang dikenali sebagai “Library On Wheels” yang memberikan perkhidmatan perpustakaan bergerak ke lokasi yang ditetapkan di sekitar Petaling Jaya.

Pelbagai aktiviti dan pertandingan turut diadakan pada hari melalui kerjasama daripada beberapa rakan strategik iaitu Inno Wawasan, Mommy Happy, Vschool Trend dan juga Syarikat Edu Apps Sdn Bhd . Antaranya program yang diadakan ialah Pertandingan bercerita peringkat sekolah rendah, pertandingan pidato peringkat sekolah menengah, pertandingan deklamasi sajak terbuka, pertandingan kuiz secara maya, pertandingan catur, pertandingan mewarna kanak-kanak dan program ceramah dan bengkel serta pelbagai lagi program yang lain. Majlis perasmian ini turut diisi dengan pameran koleksi rumah-rumah tradisional negeri-negeri di Malaysia oleh Muzium Petaling Jaya dan pembukaan kaunter mesra komuniti yang sebelum ini dikenali sebagai Hari Bertemu Pelanggan yang menyediakan perkhidmatan seperti kaunter berkaitan aduan, kompaun dan bayaran.

Selain itu terdapat juga booth pameran berkaitan *thematic learning city* (sejajar dengan tema perasmian perpustakaan komuniti cawangan Bandar Utama ini) yang mana fokus utamanya adalah untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya pembelajaran yang mempromosikan pembelajaran sepanjang hayat untuk semua daripada kanak-kanak, orang dewasa dan golongan warga emas dengan matlamat untuk pemerksaan individu dan perpaduan sosial, pembangunan ekonomi dan memperkayakan budaya serta pembangunan mampan.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya,
twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (30)

Tarikh: 28 Mei 2023

THE SPINE @ PJKITA HUB DAN PUSAT KOMUNITI TERBARU DI PETALING JAYA

Hasrat Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) untuk mewujudkan sebuah hub dan pusat komuniti yang komprehensif dan kondusif yang dapat mencetuskan aura dan nilai-nilai positif di kalangan komuniti terutamanya golongan muda dan kanak-kanak yang merupakan harapan bangsa kini telah direalisasikan.

Perancangan, pembinaan dan pelaksanaan pusat komuniti The Spine @ PJKita sejak tahun 2016 ini telah dibantu dengan kerjasama daripada arkitek Dr. Tan Loke Mun, Director of ArchiCentre Sdn Bhd dan pasukannya yang mencurahkan idea dan merekabentuk semua bangunan yang ada di sini. Komponen dan elemen yang dibina di pusat ini adalah cetusan idea dan kehendak daripada komuniti setempat yang mengharapkan wujudnya satu pusat komuniti yang akan menjadi tempat tumpuan bagi perkongsian amalan-amalan baik daripada komuniti sama ada dalam bentuk produk, projek dan juga program. Pusat komuniti ini telah melibatkan kos pembinaan berjumlah hampir RM 3.5 juta dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2021.

Seiring dengan blueprint pembangunan mampan “Petaling Jaya Smart, Sustainable And Resilient 2030 @ PJSSR 2030”, Pusat Komuniti THE SPINE @ PJKITA ini akan menjadi pusat bagi mempamerkan, mempromosi dan melaksanakan inisiatif, projek, program dan inovasi berkaitan 10 Thematic @ PJSSR 2030 yang akan terus kekal berada di pusat ini berpandukan 10 thematic iaitu:

Thematic Low Carbon City

Senibina bangunan dan keseluruhan kawasan the spine berkonsepkan “zero energy building” dan “sustainable building”. Bangunan ini turut dilengkapi dengan “energy online monitoring device” yang bertujuan untuk membuat pemantauan terhadap penggunaan tenaga di bangunan ini. Alat ini dapat mengesan sekiranya terdapat pergerakan penggunaan tenaga yang berlebihan supaya tiada keciciran penggunaan yang menyebabkan bayaran bil melambung tinggi. Pemantauan terhadap perkara ini boleh dibuat secara online yang boleh dipantau di smartphone.

Thematic Circular Economy City

Pusat kitar semula pertama di petaling jaya yang berkonsepkan pandu lalu atau drive thru yang membolehkan penduduk meletakkan barangan kitar semula dengan lebih mudah. Pusat ini akan menggalakkan lagi penyertaan penduduk khususnya di kawasan sekitar the spine dalam aktiviti ekonomi kitaran dengan memberi kehidupan baru kepada barangan terpakai daripada dibuang ke tapak pelupusan. Pusat ini menerima 10 jenis barangan terpakai

seperti kertas, kaca, kadbod, alat permainan dan jenis barangan ini akan ditambah dari semasa ke semasa.

Thematic Safe and Resilient City

Majlis dengan kerjasama “Master Survival Malaysia” telah menganjurkan sesi perkongsian dan panduan bagaimana untuk menghadapi situasi kelangsungan hidup dan kesiapsagaan sekiranya berlaku sebarang ancaman bencana dalam persekitaran bandar.

Thematic Inclusive City

Majlis sentiasa komited dalam memastikan penglibatan dan penyertaan golongan oku di setiap program dan perancangan bandar. Begitu juga dalam pembangunan ekonomi dan aspek kebajikan, golongan ini akan sentiasa diberi perhatian keutamaan. hari ini kita mempunyai beberapa usahawan oku yang turut serta menjalan perniagaan bagi menambah sumber pendapatan.

Thematic Child Friendly City

Di bawah thematic child friendly city, sebahagian besar projek dan program majlis adalah dengan memberi fokus kepada golongan kanak-kanak dan belia. alhamdulillah, melalui pelbagai program dan projek yang telah dilaksanakan sejak tahun 2009, segala usaha ini telah mendapat pengiktirafan apabila mbpj telah diiktiraf oleh pihak unicef sebagai “calon bandar pertama mesra kanak-kanak di malaysia” pada 25 jun 2022 di atas segala inisiatif dalam menyediakan peluang dan kemudahan yang mesra kepada kanak-kanak serta menjadi pbt pertama di malaysia yang melibatkan golongan kanak-kanak dalam proses perancangan pembangunan melalui platform ahli majlis kanak-kanak. Majlis turut menunjukkan komitmen dengan menyediakan pejabat ahli majlis kanak-kanak di salah satu kontainer yang ada di sini. Di tingkat atas bangunan ini juga ada ruang untuk ahli majlis kanak-kanak bertemu, bermesyuarat dan berbincang mengenai aktiviti yang melibatkan kanak-kanak.

Thematic Learning City

Projek ini memfokuskan terhadap program yang melibatkan pendidikan dan pembelajaran pada semua lapisan masyarakat yang tutur menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur seperti bas percuma, perpustakaan komuniti dan pelbagai kemudahan kepada pelajar sekolah dan warga petaling jaya. Petaling jaya telah diiktiraf oleh unesco di atas komitmen mempromosikan pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat di peringkat tempatan melalui penyediaan kemudahan infrastuktur seperti perkhidmatan bas percuma kepada pelajar sekolah dan warga petaling jaya. Sebagai sebuah bandar hub pembelajaran, petaling jaya mempunyai 125 sekolah rendah dan menengah, 211 buah pra sekolah dan 51 buah kolej dan universiti serta 6 buah perpustakaan komuniti yang dikendalikan oleh majlis bandaraya petaling jaya. Bagi memperkasakan lagi pusat komuniti ini sebagai hub pembelajaran, majlis telah menyediakan kemudahan seperti mini library, pusat tuisyen petaling jaya, aktiviti pj seed learning city dan dilengkapi dengan kemudahan wifi.

Thematic Economically Vibrant City

“Merangsang Ekonomi, Mensejahtera Komuniti” merupakan iltizam dan komitmen majlis untuk bersama-sama mengembleng seluruh tenaga, idea

dan kepakaran untuk bantu membangkitkan semula ekonomi komuniti di petaling jaya selepas terjejas teruk ekoran pandemik covid-19 selama 2 tahun. Di pusat komuniti the spine ini menempatkan 7 daripada pengusaha kafe yang merupakan penduduk dan komuniti petaling jaya sendiri. Selaras dengan hasrat majlis untuk melahirkan lebih ramai usahawan-usahawan muda daripada petaling jaya, majlis akan sentiasa mencari peluang dan ruang untuk membantu golongan ini berjaya dalam bidang perniagaan dan keusahawanan sehingga mampu untuk mereka menghasilkan produk-produk yang berkualiti dan menjadi ikon usahawan petaling jaya.

Thematic Society 5.0 City

Ke arah mewujudkan smart society di petaling jaya, komuniti akan didedahkan dengan penggunaan teknologi pintar di dalam pelaksanaan projek dan program. di the spine @ pjkit, majlis telah menyediakan 2 ruang kontainer untuk komuniti mempamerkan projek atau produk berasaskan iot dan “smart technology” yang boleh dikongsi dan dipelajari. ruang komuniti yang disediakan ini boleh dimanfaatkan oleh semua komuniti di petaling jaya secara bergilir-gilir setiap 6 bulan. Untuk permulaan, majlis memberi peluang kepada persatuan penduduk PJS 1 south avenue dan persatuan penduduk bayu damansara untuk mempamerkan projek dan amalan-amalan baik mereka.

Thematic Smart City

Pada hari ini majlis menyediakan “drone” dan “virtual reality” untuk memberi peluang kepada pengunjung melihat kawasan sekeliling bangunan the spine dengan pemandangan sebenar kawasan ini dari atas udara.

Thematic E-Governance City

Penyediaan kiosk bayaran di sini untuk memudahkan pengunjung membuat bayaran seperti cukai taksiran, sewaan dan kompaun. pengunjung tidak perlu hadir ke kaunter di ibu pejabat terutamanya ketika waktu puncak pada musim cukai dan lesen.

The spine @ pjkit ini akan menjadi pusat penempatan bagi wakil-wakil jabatan yang terlibat dengan hal-hal berkaitan community engagement seperti jabatan pembangunan masyarakat, jabatan landskap, jabatan pengurusan sisa pepejal & pembersihan awam, jabatan penguatkuasaan, jabatan kawalan bangunan dan lain-lain.

Majlis berharap agar pusat komuniti the spine @ pjkit ini akan menjadi ikonik projek di petaling jaya dan memberi manfaat kepada seluruh komuniti di negeri selangor amnya dan petaling jaya khususnya.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya,
twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695